

Kebebasan media tanpa had dorong kepada pembohongan

UM 17 APR 2001

SHAH ALAM 16 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kebebasan media tanpa had di negara asing yang mendakwa sebagai liberal, tidak mementingkan soal kebenaran dan ketepatan berita.

Menurut Perdana Menteri, kebebasan itu mendorong mereka berbohong dan menghasut orang ramai sehingga rakyat tidak mengetahui hal sebenar.

Beliau berkata, kebebasan tanpa had bagi mereka ialah agar boleh melakukan sesuka hati dan tidak boleh dihukum mengikut undang-undang.

Sehubungan itu, kata Dr. Mahathir, ada di kalangan media asing membuat berita tetapi separuh daripada faktanya adalah palsu, untuk menjadikannya lebih menarik.

Perdana Menteri berkata, tidak ada lagi moral dalam akhbar luar negara dan mereka juga tidak peduli apa yang berlaku ke atas orang lain.

Sebagai contoh, kata beliau, adalaporan terdapat banyak rusuhan di Malaysia sedangkan ia hanya terhadap sesuatu kes.

"Laporan seperti itu menunjukkan mereka tidak pentingkan ketepatan dan kita yang merana kerana pelancong tidak mahu datang.

"Mereka tidak pedulikan semua itu. Mereka boleh menipu dan kita beritahu kebenaran tetapi alasan mereka mengatakan tak boleh dapat

maklumat daripada kerajaan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Pesuruhjaya Polis, Ketua Polis, Komander dan Komandan di Hotel Concorde di sini, hari ini.

Perdana Menteri mengulas dakwaan kononnya undang-undang percetakan di Malaysia dikatakan mengesahkan kebebasan media.

Dr. Mahathir berkata, mereka juga mendakwa maklumat tidak diperolehi daripada kerajaan sebaliknya hanya daripada pihak pembangkang.

Temu ramah

Ekoran itu, beliau mengadakan temu ramah dengan *Asia Week* baru-baru ini tetapi yang mendukacitakan ialah kenyataan beliau tidak dilaporkan dengan betul.

Menurut Perdana Menteri lagi, temuramah itu telah diputar belit dengan mengatakan rakyat takut berjumpa dengan Perdana Menteri.

"Mereka berkata negara ini sedang berada dalam ketegangan. Saya beritahu mereka saya pergi ke pasar raya seorang diri pada hujung minggu dan rakyat datang berjumpa, bertanya dan bersalam dengan saya.

"Saya nak tanya mereka berapa negara yang Perdana Menteri mereka boleh berjalan di khalayak ramai... di sesetengah negara dia akan dikelilingi oleh pengawal peribadi yang sentiasa menyiku sesiapa yang cuba menghampiri.

"Saya ada pengalaman itu di Amerika Syarikat apabila pengawal terpaksa menjarakkan orang ramai jauh daripada saya. Semasa Hari Raya saya bertemu dengan lebih 50,000 rakyat, tak ada masalah," jelas beliau.

Perdana Menteri menegaskan, masalah besar dalam media asing ialah mereka tidak boleh menulis berita berlandaskan kebenaran.

Katanya, di negara ini tiada kesalahan melaporkan yang benar tetapi mereka melaporkan 100 orang mati di Kampung Medan dan kemudiannya memohon maaf tetapi ini tidak memadai.

"Kebebasan ialah melaporkan yang benar tetapi bila kebebasan digunakan untuk melaporkan penipuan dan mereka-reka cerita, mereka tidak layak mendapatkan kebebasan," katanya.

Mengenai penggunaan kekerasan oleh polis dalam menyurui rusuhan, Perdana Menteri berkata, tindakan itu diambil kerana berhadapan dengan golongan ganas.

Jelas beliau, polis menggunakan kekerasan minimum untuk mempertahankan diri kerana ada kes di mana polis dipukul.

"Bila berdepan dengan orang yang ganas, polis tidak boleh kata tolong jangan ganas. Polis layak mempertahankan diri menggunakan kekerasan yang minimum tetapi adakalanya tidak berkesan," tambahnya. habis.